

Dr Mahathir tidak umum perbezaan pendapat

MASJID TANAH, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan beliau tidak pernah menyatakan kepada umum perkara-perkara yang tidak disetujuinya ketika Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri.

"Walaupun tidak bersetuju dengan beberapa perkara, saya sebagai Timbalan Perdana Menteri ketika itu tetap menentukan Tun Hussein mendapat sokongan sepenuhnya daripada Umno," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Alor Gajah di sini, hari ini.

"Ini kerana saya hendak menentukan Umno bersatu dan memastikan sokongan 100 peratus kepada pemimpin supaya pemimpin itu berkesan. Dengan berkesannya pemimpin itu, berkesanlah Umno."

"Saya tidaklah kata seseorang patut buat sama dengan apa yang saya lakukan. Jika orang tidak sokong, apa nak buat. Ini falsafah saya. Yang pertama perlu kita tentukan ialah Umno. Tanpa Umno tidak ada kerajaan Umno, tidak ada Umno pemimpin semua tidak ada makna.

"Apa gunanya menjadi Presiden yang tidak ada ahli, ini patut direnung sama-sama," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ketika Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, Allahyarham Tun Razak juga tidak bersetuju 100 peratus dengannya.

"Ada masanya Tun Razak tidak bersetuju kerana mereka dua manusia biasa dan mempunyai perbezaan pandangan terhadap sesuatu perkara.

"Saya tahu kerana kenal baik dengan Tun Razak ketika Allahyarham menjadi Timbalan Perdana Menteri. Saya sedar beliau tidak puas hati tetapi tidak menyatakan kepada umum," katanya.

Katanya, ini kerana Allahyarham Tun Razak sedar bahawa perbuatan sedemikian bukan sahaja bercanggah dengan adat resam, tetapi melemahkan Tunku dan menjadikan Tunku sebagai Perdana Menteri yang tidak boleh bertindak kerana tidak ada siapa yang akan menghormatinya.

"Begitu juga ketika Tun Razak menjadi Perdana Menteri, mungkin Allahyarham Tun Dr Ismail juga tidak bersetuju dengan beberapa perkara yang dilaksanakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

"Begitu juga kepada Tun Hussein ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Saya tidak tahu. Tetapi saya fikir ada perasaan tidak puas hati terhadap sesuatu, tetapi mereka menyokongnya kerana menjaga parti."